

BAB 7

ANALISIS KOHESI KATA HUBUNG

Dalam bahagian ini, akan dibentangkan hasil analisis kohesi kata hubung dalam wacana berita politik. Bahagian ini juga menggunakan pendekatan Halliday dan Hasan (1976) dengan sedikit pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan teks bahasa Melayu apabila menganalisis data. Aspek-aspek utama yang dikaji ialah jenis alat kohesif yang digunakan bagi mewujudkan kohesi teks, bagaimana alat tersebut digunakan dan fungsi kohesif item kata hubung.

Kajian terhadap jenis alat kohesif yang digunakan melibatkan kajian terhadap kohesi kata hubung serta item-item yang terkandung di dalamnya. Bagaimana alat kohesif tersebut digunakan melibatkan kajian terhadap penggunaannya dalam ayat berita. Akhir sekali, penelitian terhadap fungsi kohesif alat tersebut dilakukan ketika menghuraikan cara alat-alat tersebut digunakan.

Pembentangan bab ini dimulakan dengan penghuraian kohesi kata hubung sebagai latar belakang analisis dan diikuti dengan analisis kohesi tiap-tiap jenis kata hubung yang dikaji. Analisis kohesi kata hubung tersebut melihat penggunaan kata hubung yang terdapat di dalam ayat dan di antara ayat.

Kohesi kata hubung dalam kajian ini adalah satu alat yang digunakan untuk menghuraikan ikatan kohesif yang wujud di antara frasa dan klausa atau bahagian-bahagian di dalam teks sebagai satu cara untuk menunjukkan perkaitan semantik yang wujud di antara frasa, klausa dan bahagian-bahagian tersebut.

Tidak seperti kohesi rujukan yang telah dibincang sebelum ini, yang memerlukan unsur-unsur tertentu dalam konteks situasi atau teks untuk tujuan pentafsiran, alat kohesif kata hubung mempunyai makna intrinsik. Ini dapat dilihat pada pandangan Halliday dan Hasan,

Conjunctive elements are cohesive not in themselves but indirectly, by virtue of their specific meanings; they are not primarily devices for reaching out into the preceding (or following) text, but they express certain meanings which presuppose the presence of other components in the discourse.

(Halliday dan Hasan, 1976: 226)

Dalam menghuraikan kata hubung sebagai satu alat kohesif, perhatian tidak ditumpukan pada hubungan semantik yang direalisasikan melalui tatabahasa sesuatu bahasa, tetapi kepada satu aspek tertentu bahasa iaitu fungsinya dalam menghubungkan unsur-unsur linguistik yang terdapat secara berturut-turutan. Di samping itu, dalam mewujudkan tautan teks, kata hubung perlu digunakan dalam struktur yang betul dan isyarat makna yang didukungnya hendaklah sesuai dengan konteks penggunaannya.

Analisis kohesi kata hubung yang dilakukan terhadap wacana berita dalam kajian ini, adalah mengambil kira hubungan atau tautan yang wujud di dalam

ayat dan juga di antara ayat. Ini ditegaskan oleh Halliday dan Hasan, iaitu penentu utama untuk menentukan sesuatu ayat itu sama ada boleh dianggap sebagai teks atau tidak bergantung kepada hubungan-hubungan kohesif yang terdapat di dalam dan di antara ayat-ayat tersebut. Pengambilkiraan hubungan yang terdapat di dalam ayat iaitu di antara frasa dan klausa adalah kerana dalam struktur ayat bahasa Melayu, sesuatu frasa dan klausa itu dihubungkan dengan menggunakan kata hubung bagi mewujudkan tautan dari segi makna melalui fungsi yang dimainkan oleh kata hubung tersebut. Juga dalam kata hubung bahasa Melayu terdapat kata hubung yang hanya memainkan fungsinya sebagai alat kohesif di dalam satu ayat yang sama seperti kata hubung **atau, serta, agar, lalu, setelah** dan sebagainya.

7.1.1 **Kata Hubung Tambahan**

Kata hubung tambahan yang ditemui dalam korpus ialah **dan**, atau **serta**.

7.1.1.1 **Kata Hubung : Dan**

(1) TU 097

(a) **Naib-naib presiden** (b) **dan** **Ketua Pergerakan Pemuda** parti itu yang menyokong penuh saranan tersebut mahu semua pihak melihatnya secara serius dalam usaha drastik membendung gejala tersebut.

(1a) **Naib-naib presiden**

(1b) **dan** **Ketua Pergerakan Pemuda** parti itu yang menyokong penuh ...

Zainuddin berkata, (a) segala persetujuan yang dicapai hari ini akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti masing-masing (b) dan mereka bersetuju meneruskan pertemuan pada peringkat jawatankuasa teknikal pada masa akan datang.

- (2a) Zainuddin berkata, segala persetujuan yang dicapai hari ini akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti masing-masing
- (2b) dan mereka bersetuju meneruskan pertemuan pada peringkat jawatankuasa teknikal pada masa akan datang.

Dalam korpus yang dianalisis, didapati kata hubung **dan** dalam contoh (1) mentautkan dua subjek yang setara sifatnya iaitu kata nama **Naib-naib presiden** dalam klausa (1a) serta **Ketua Pergerakan Pemuda** dalam klausa (1b). Dalam ayat ini **dan** berfungsi sebagai menambahkan unsur pelaku yang terdapat dalam subjek ayat.

Dalam contoh (2), **dan** menggandingkan dua klausa seluruhnya iaitu pertama klausa (2a) segala persetujuan yang dicapai hari ini akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti masing-masing dan kedua klausa (2b) mereka bersetuju meneruskan pertemuan pada peringkat jawatankuasa teknikal. Dalam penggandingan kluasa ini, unsur kedua (klausa (2b)) merupakan lanjutan cerita daripada klausa pertama (klausa 2(a)). Fungsi **dan** sebagai menghubungkan klausa dan mewujudkan tautan di antara dua klausa itu jelas dalam contoh ayat di atas.

(3) TB 155

(a) Beliau berkata, Umno akan tetap berusaha agar pertemuan itu menjadi kenyataan kerana menganggap **kepentingan orang Melayu perlu dipertahankan oleh semua orang Melayu.**

(b) “**Dan** kepentingan yang kita maksudkan ini bukan lebih daripada apa yang telahpun termaktub dalam Perlembagaan yang dipersetujui oleh semua orang.

(3a) **kepentingan orang Melayu perlu dipertahankan oleh semua orang Melayu.**

(3b) “**Dan** kepentingan yang kita maksudkan ini....

Di dalam ayat di atas dapat di lihat fungsi kata hubung **dan** sebagai menghubungkan perkara yang sama yang alat yang mentautkan ayat pertama (3a) dengan ayat kedua (3b). **Dan** dalam ayat ini diperkatakan dalam ayat pertama iaitu kepentingan orang Melayu.

7.1.1.2 Kata Hubung : Atau

(4) TU 064

(a) Bagaimanapun, mana-mana **orang** (b) **atau** **pertubuhan** yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.

(4a) Bagaimanapun, mana-mana **orang**

(4b) **atau** **pertubuhan** yang menggunakan perkataan Islam ...

Kata hubung **atau** dalam contoh (4) berfungsi memberi pilihan kepada dua subjek. Kata hubung ini menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya

iaitu kata nama am **orang** (ayat (4a)) dan **pertubuhan** (ayat (4b)). Ayat yang mengandungi dua subjek ini dihubungkan dengan kata hubung **atau** dan mengalami penghilangan predikat dalam proses penggabungan dua subjek tersebut.

(5) TB 112

Beliau berkata mesyuarat rasmi itu akan membincangkan mengenai tarikh, masa, tempat dan format perbincangan perpaduan Melayu sama ada (a) membabitkan **presiden** saja (b) **atau** **deligasi**.

..
(5a) membabitkan **presiden** saja

(5b) **atau** **deligasi**.

Contoh (5) memperlihatkan kohesi yang wujud dengan cara gandingan pada objek **presiden** dalam ayat (5a) dan **deligasi** dalam ayat (5b) dengan kata hubung **atau**. Dalam contoh ini, kata hubung **atau** berfungsi sebagai pilihan antara dua kata nama dalam predikat ayat. Dalam kedua-dua contoh ini didapati tautan wujud dalam satu ayat yang sama kerana kata hubung **atau** perlu menghubungkan dua subjek atau objek dalam satu klausa yang sama.

Kata hubung **atau** yang menghubungkan dua ayat tidak ditemui dalam korpus wacana. Ini adalah kerana **atau** hanya berfungsi menghubungkan dua subjek, predikat, objek atau kata keterangan dalam satu ayat yang sama.

7.1.1.3 Kata Hubung : Serta

(6) TU 071

Taklimat hampir dua jam itu diadakan oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) (a) turut dihadiri oleh **para pemimpin pertubuhan** (b) **serta badan bukan kerajaan (NGO)**.

(6a) turut dihadiri oleh **para pemimpin pertubuhan**

(6b) **serta badan bukan kerajaan (NGO).**

(7) TB 174

Perdana Menteri, selepas pertemuan itu berkata (a) kerajaan berharap **Malaysia dapat memperbaiki hubungan** (b) **serta mengurangkan sedikit perselisihan saham dengan AS** di bawah pentadbiran Bush.

(7a) kerajaan berharap **Malaysia dapat memperbaiki hubungan**

(7b) **serta mengurangkan sedikit perselisihan saham dengan AS** di bawah pentadbiran Bush.

Fungsi **serta** sebagai penghubung dua klausa pada predikat ayat, dapat dilihat pada kedua-dua contoh (6) dan (7) di atas. Dalam contoh (6), **serta** menghubungkan klausa (6a) **para pemimpin pertubuhan** dengan klausa (6b) **badan bukan kerajaan (NGO)**. Dalam contoh (7), **serta** menghubungkan klausa (7a) **Malaysia dapat memperbaiki hubungan** dengan klausa (7b) **mengurangkan sedikit perselisihan saham dengan AS**. Kata hubung **serta** didapati memberikan butiran tambahan kepada sesuatu topik yang dibicarakan. Kohesi ayat dapat diwujudkan melalui penggunaan kata hubung **serta**.

Kata hubung **serta** yang menghubungkan dua ayat tidak ditemui dalam korpus wacana. Ini adalah kerana **serta** dalam bahasa Melayu hanya berfungsi menghubungkan dua klausa pada bahagian predikat di dalam satu ayat yang sama.

7.1.2 **Kata Hubung Tentangan**

Kata hubung tentangan yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **tetapi** dan **walaupun**.

7.1.2.1 **Kata Hubung : Tetapi**

(8) TB 103

Fadzil ketika dihubungi di Alor Star petang ini berkata, (a) Pas secara prinsipnya menerima asas perundingan cadangan Umno itu (b) tetapi masih menunggu butir lanjut keputusan oleh MT Umno nanti.

- (8a) **Pas secara prinsipnya menerima asas perundingan cadangan Umno itu**
- (8b) **tetapi masih menunggu butir lanjut keputusan oleh MT Umno nanti.**

(9) TB 128

(a) **Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas yang dijadualkan pagi ini** (b) tetapi ditangguhkan ke sebelah petang, menimbulkan tanda tanya sama ada pertemuan penyatuhan Melayu Isnin ini akan berlangsung seperti dirancang.

- (9a) **Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas yang dijadualkan pagi ini**
- (9b) **tetapi ditangguhkan ke sebelah petang.**

Kata hubung tetapi digunakan untuk menyatakan hubungan yang bertentangan atau berlawanan antara ayat dalam sesuatu teks. Dalam kedua-dua contoh (8) dan (9), wujud satu keadaan yang mengakibatkan sesuatu klausa atau ayat menidakkan klausa atau ayat yang satu lagi. Seperti yang dapat dilihat dalam ayat 8(a), terdapat klausa, **Pas secara prinsipnya menerima asas perundingan cadangan Umno itu merupakan satu keadaan yang wujud manakala klausa dalam contoh 8(b) masih menunggu butir lanjut keputusan oleh MT Umno nanti merupakan ayat yang menidakkan penerimaan prinsip tersebut secara sepenuhnya. Walau bagaimanapun, keseluruhan dua klausa tersebut dihubungkan dengan penggunaan kata hubung tetapi.**

Dalam contoh 9, didapati klausa (9a) dihubungkan dengan klausa (9b) dengan penggunaan kata hubung tetapi. Fungsi tetapi dalam ayat ini juga walaupun membawa maksud yang bertentangan tetapi ayat tersebut masih mempunyai hubungan di antara satu dengan yang lain.

(10) TB 117

(a) Perdana Menteri berkata, **Negara Asia Timur yang melihat Jepun sebagai model mereka, hampa apabila ekonomi kedua terbesar di dunia itu menunjukkan tanda-tanda kejatuhan dan bagi selama lebih sedekad kelihatan tidak mampu keluar daripada kegawatan.**

(b) “**Tetapi** yang lebih menghampaskan ialah Jepun nampaknya lebih mementingkan hubungannya dengan Amerika berbanding Asia Tenggara” katanya.

(10a) **Negara Asia Timur yang melihat Jepun sebagai model mereka, hampa apabila ekonomi kedua terbesar di dunia itu menunjukkan tanda-tanda kejatuhan dan bagi selama lebih sedekad kelihatan,tidak mampu keluar daripada kegawatan.**

- (10b) “Tetapi yang lebih menghampaskan ialah Jepun nampaknya lebih mementingkan hubungannya dengan Amerika berbanding Asia Tenggara”

Contoh (10) di atas memperlihatkan tautan yang wujud di antara dua ayat melalui penggunaan kata hubung **tetapi**. Seperti yang dapat dilihat dalam ayat 10(b), kata hubung **tetapi** menunjukkan perbezaan sikap Jepun terhadap negara Asia Timur yang menganggap Jepun sebagai model mereka. Dalam contoh di atas juga dapat dilihat penggunaan **tetapi** pada pangkal ayat yang merupakan ayat cakap ajuk.

7.1.2.2 Kata Hubung : Walaupun

(11) TU 058

Menurut beliau, (a) ada pihak mendakwa **anggota Pas sudah dijamin masuk syurga** (b) walaupun tidak menunaikan solat.

(11a) ada pihak mendakwa **anggota Pas sudah dijamin masuk syurga**

(11b) walaupun tidak menunaikan solat .

(12) TB 114

(a) Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata **parti itu tidak menghadapi masalah untuk menerangkan secara terperinci mengenai amanat berkenaan**, (b) walaupun sudah banyak penjelasan dibuat sebelum ini.

(12a) Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata **parti itu tidak menghadapi masalah untuk menerangkan secara terperinci mengenai amanat berkenaan**

(12b) walaupun sudah banyak penjelasan dibuat sebelum ini.

Kata hubung **walaupun** dalam ayat (11b) dan (12b) berfungsi menyatakan sesuatu yang bertentangan di antara ayat dalam teks. Contohnya dalam ayat (11a) dinyatakan **anggota Pas dijamin masuk syurga** dan ayat (11b) dinyatakan **walaupun mereka tidak menunaikan solat**. Jika dilihat secara keseluruhannya, makna ayat yang didukung itu tidak dapat diterima dari segi ajaran agama Islam, iaitu seseorang Muslim dijamin masuk syurga tanpa menunaikan solat. Walau bagaimanapun, kata hubung **walaupun** dalam ayat (11b) ini berfungsi menghubungkan dua ayat tersebut tetapi membawa maksud yang berlawanan.

Demikian juga dengan contoh (12), terdapat kesinambungan maksud antara ayat (12a) dengan ayat (12b) disebabkan penggunaan kata hubung **walaupun** yang membawa maksud yang bertentangan.

(13) TU 047

- (a) Dr. Mahathir mengulangi lagi bahawa **perpecahan umat Melayu ini memang berlaku secara mendalam dan jaraknya yang terlalu jauh**.
 - (b) **Walaupun Pas menangguhkan pertemuan itu dengan meletakkan tiga syarat untuk dipenuhi oleh UMNO, Perdana Menteri percaya peluang masih ada.**
-
- (13a) **perpecahan umat Melayu ini memang berlaku secara mendalam dan jaraknya yang terlalu jauh.**
 - (13b) **Walaupun Pas menangguhkan pertemuan itu dengan meletakkan tiga syarat untuk dipenuhi oleh UMNO, Perdana Menteri percaya peluang masih ada.**

Contoh (13) di atas memperlihatkan tautan yang wujud di antara dua ayat melalui penggunaan kata hubung **walaupun**. Kata hubung **walaupun** dalam

ayat ini berfungsi menyatakan maksud yang bertentangan yakni perpecahan wujud di kalangan umat Melayu (ayat 13a) namun peluang untuk bersatu masih ada seperti digambarkan dalam ayat (13b).

7.1.3 Kata Hubung Sebab-Musabab

Kata hubung sebab-musabab yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **kerana**.

7.1.3.1 Kata Hubung : Kerana

(14) TU 034

Menurut Dr. Mahathir, (a) Umno tidak menolak perbincangan perpaduan nasional (b) kerana perpaduan Melayu adalah sebahagian perpaduan nasional.

(14a) Umno tidak menolak perbincangan perpaduan nasional

(14b) kerana perpaduan Melayu adalah sebahagian perpaduan nasional.

(15) TB 183

Bagaimanapun, (a) beliau kesal (b) kerana masih ada negeri tidak menghiraukan arahan itu dan sengaja membiarkan keadaan itu berterusan demi kepentingan politik mereka.

(15a) **beliau kesal**

(15b) kerana masih ada negeri tidak menghiraukan arahan itu dan sengaja membiarkan keadaan itu berterusan demi kepentingan politik mereka.

Dalam korpus yang dianalisis, didapati kata hubung **kerana** dalam contoh (14) dan (15) berfungsi memberikan penjelasan kepada sesuatu perkara itu atau menyatakan sebab mengapa sesuatu perkara itu dilakukan atau berlaku. Kata hubung **kerana** dalam ayat di atas menghubungkan dua ayat, misalnya dalam contoh (15) ia menghubungkan ayat (15a) dengan ayat (15b). Dengan itu, kata hubung **kerana** mewujudkan kohesi dalam ayat tersebut.

(16) TB 193 ..

- (a) **Daim bulan lalu mengesahkan beliau mengambil cuti selama dua bulan bermula awal April, bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada tugas menggerakkan ekonomi negara.**
 - (b) **Kerana** itu, walaupun dalam cuti, beliau masih ke pejabat bagi membereskan semua fail pembangunan, kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno.
-
- (16a) **Daim bulan lalu mengesahkan beliau mengambil cuti selama dua bulan bermula awal April, bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada tugas menggerakkan ekonomi negara.**
 - (16b) **Kerana** itu, walaupun dalam cuti, beliau masih ke pejabat bagi membereskan semua fail pembangunan, kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno.

Kata hubung **kerana** dalam contoh ayat di atas, mentautkan ayat 16(a) dengan ayat 16(b). Dalam ayat 16(b), **kerana** berfungsi memberikan penjelasan kepada tindakan yang diambil dalam ayat 16(a) dan dengan secara tidak langsung ia mewujudkan tautan di antara kedua-dua ayat tersebut.

7.1.4 Kata Hubung Tujuan

Kata hubung tujuan yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **untuk, supaya dan agar.**

7.1.4.1 Kata Hubung : Untuk

(17) TU 035

“(a) Kita serahkan kepada Jawatankuasa Teknikal Pas (b) untuk berunding lagi dengan Umno. (c) Jika Umno masih berdegil dengan syarat kita, sukarlah (d) untuk bertemu,” katanya ketika dihubungi Mingguan hari ini.

(17a) **Kita serahkan kepada Jawatankuasa Teknikal Pas**

(17b) **untuk berunding lagi dengan Umno.**

(17c) **Jika Umno masih berdegil dengan syarat kita, sukarlah**

(17d) **untuk bertemu.**

(18) TB 170

“Kita tidak banyak membincangkan soal yang boleh menimbulkan lebih banyak masalah. (a) Kita bercakap (b) untuk mencari penyelesaian masalah dan memperkecilkan perkara yang boleh menimbulkan lebih banyak kesulitan,” katanya.

(18a) **Kita bercakap**

(18b) **untuk mencari penyelesaian masalah dan memperkecilkan perkara yang boleh menimbulkan lebih banyak kesulitan.**

Fungsi kata hubung **untuk** adalah untuk menyatakan tujuan sesuatu perkara itu dilakukan di samping menghubungkan ayat induk (17a), (17c) dan (18a) dengan ayat kecil (17b), (17d) dan (18b) bagi membentuk ayat majmuk keterangan. Kata hubung ini juga berfungsi menjawab pertanyaan untuk apa atau buat apa.

(19) TU 080

- (a) “**Harap rakyat Kelantan terus membuat penilaian yang baik, tolak yang buruk. UMNO tidak akan salah guna kuasa untuk menindas orang yang lemah,**” ujarnya.
 - (b) **Untuk itu, Dr. Mahathir menyarankan agar setiap ahli UMNO terus berusaha mengembangkan parti itu kepada generasi muda yang dihasut oleh Pas.**
- (19a) **“Harap rakyat Kelantan terus membuat penilaian yang baik, tolak yang buruk. UMNO tidak akan salah guna kuasa untuk menindas orang yang lemah,”** ujarnya.
- (19b) **Untuk itu, Dr. Mahathir menyarankan agar setiap ahli UMNO terus berusaha mengembangkan parti itu kepada generasi muda yang dihasut oleh Pas.**

Dalam contoh ayat (19) di atas, memperlihatkan kata hubung **untuk** digunakan untuk menghubungkan dua ayat yang mempunyai pertalian di antara satu sama lain. Ayat kedua (19b) menyarankan tindakan yang perlu diambil bagi merealisasikan hasrat yang dilahirkan pada ayat (19a). Saranan tersebut disampaikan melalui penggunaan kata hubung **untuk**.

7.1.4.2 Kata Hubung : Supaya

(20) TU 085

(a) Dr. Mahathir menjelaskan perkara itu ketika diminta mengulas desakan Suhakam (b) supaya kerajaan membebaskan kesemua tujuh aktivis reformasi yang ditahan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), semalam dan kelmarin.

(20a) Dr. Mahathir menjelaskan perkara itu ketika diminta mengulas desakan Suhakam

(20b) supaya kerajaan membebaskan kesemua tujuh aktivis reformasi yang ditahan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), semalam dan kelmarin.

..

(21) TB 102

(a) Dr Mahathir berkata, orang Melayu mesti terus berjuang untuk memperolehi kejayaan yang lebih besar (b) supaya dapat memperkuatkan kedudukannya serta mampu membantu golongan yang lemah dan masih ketinggalan.

(21a) Dr Mahathir berkata, orang Melayu mesti terus berjuang untuk memperolehi kejayaan yang lebih besar

(21b) supaya dapat memperkuatkan kedudukannya serta mampu membantu golongan yang lemah dan masih ketinggalan.

Kata hubung **supaya** dalam kedua-dua ayat di atas (20) dan (21) juga berfungsi menyatakan tujuan sesuatu perkara itu dilakukan. Ia juga berfungsi menghubungkan dua ayat iaitu ayat induk (20a) dan (21a) dan ayat kecil (20b) dan (21b) bagi membentuk ayat majmuk keterangan.

(22) TU 005

(a) "Pas bersetuju format pertemuan diadakan secara sidang kemuncak iaitu ketua parti dan delegasi perwakilan.

(b) “Ini supaya kita akan dapat lebih peluang mendengar pandangan yang lebih banyak dan luas daripada perwakilan dari ketiga-tiga parti mengenai isu yang dicadangkan.

- (22a) “Pas bersetuju format pertemuan diadakan secara sidang kemuncak iaitu ketua parti dan delegasi perwakilan.
- (22b) “Ini supaya kita akan dapat lebih peluang mendengar pandangan yang lebih banyak dan luas daripada perwakilan dari ketiga-tiga parti mengenai isu yang dicadangkan.

Kata hubung supaya dalam ayat di atas jelas berperanan mewujudkan kohesi di antara dua ayat dengan fungsinya yang menerangkan mengapa sesuatu persetujuan itu diambil.

7.1.4.3 Kata Hubung : Agar

(23) TU 016

(a) Setiausaha Kerajaan Kelantan, Datuk Wan Hashim Wan Daud hari ini membuat rayuan terbuka meminta (b) agar semua pihak akur dengan penjelasan pihak istana berhubung isu penarikan balik darjah kebesaran dua Exco kanan kerajaan negeri.

(23a) Setiausaha Kerajaan Kelantan, Datuk Wan Hashim Wan Daud hari ini membuat rayuan terbuka meminta

(23b) agar semua pihak akur dengan penjelasan pihak istana berhubung isu penarikan balik darjah kebesaran dua Exco kanan kerajaan negeri.

(24) TB 134

(a) Umno sudah bersedia bermuzakarah dengan Pas esok dan akan menerima semua isu yang dibawa parti pembangkang itu tanpa sebarang syarat (b) agar perbincangan mengenai perpaduan dapat dilaksanakan dengan telus dan terbuka.

- (24a) Umno sudah bersedia bermuzakarah dengan Pas esok dan akan menerima semua isu yang dibawa parti pembangkang itu tanpa sebarang syarat
- (24b) **agar** perbincangan mengenai perpaduan dapat dilaksanakan dengan telus dan terbuka.

Jenis alat kohesif yang digunakan dalam contoh (23) dan (24) ialah kata hubung keterangan harapan **agar**. Kata hubung ini menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati. Sebagai fungsi kohesif, ia menjalinkan dua ayat iaitu ayat induk (23a) dan (24a) dan ayat kecil (23b) dan (24b).

Dalam korpus yang dikaji tidak ditemui kata hubung **agar** yang menghubungkan dua ayat. Ini adalah kerana kata hubung **agar** selalunya menghubungkan dua klausa dalam satu ayat yang sama.

7.1.5 Kata Hubung Waktu

Kata hubung waktu yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **lalu, kemudian, sambil, apabila, sementara, setelah dan selepas**.

7.1.5.1 Kata Hubung : Lalu

(25) TU 019

(a) Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, usaha tersebut selaras dengan hasil muktamar tahunan Pas di Terengganu tahun **lalu** (b) yang mahukan kerajaan negeri itu ‘melakukan sesuatu’ untuk mengurangkan campur tangan Sultan dalam urusan pentadbiran.

- (25a) Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, usaha tersebut selaras dengan **hasil muktamar tahunan Pas di Terengganu tahun lalu**
- (25b) **yang mahukan kerajaan negeri itu ‘melakukan sesuatu’ untuk mengurangkan campur tangan Sultan dalam urusan pentadbiran.**

(26) TB 169

Seramai 91 daripada 165 ketua bahagian Umno menang tanpa bertanding selepas 18,000 (a) **cawangan parti itu mengadakan mesyuarat bermula 1 Mac lalu** (b) **hingga semalam.**

(26a) **cawangan parti itu mengadakan mesyuarat bermula 1 Mac lalu**

(26b) **hingga semalam.**

Dalam contoh (25) dan (26) di atas dapat dilihat penggunaan kata hubung keterangan waktu **lalu** yang berfungsi menerangkan masa sesuatu kejadian atau perbuatan itu berlaku. Misalnya dalam (25a), **lalu** digunakan untuk menerangkan bila muktamar tahunan Pas itu diadakan iaitu pada tahun sebelumnya (tahun 2000). Begitu juga dalam contoh (26a), Mac **lalu** bermaksud pada bulan Mac yang telah berakhir iaitu sebulan sebelum berita itu dilaporkan. Fungsi kohesif kata hubung waktu **lalu** ini menghubungkan waktu peristiwa itu berlaku. **Lalu** dalam kedua-dua contoh di atas juga mempunyai fungsi anaforik yang merujuk kepada kata nama tahun dan bulan.

Dalam korpus yang dikaji tidak ditemui kata hubung **lalu** yang menghubungkan dua ayat. Ini adalah kerana kata hubung **lalu** selalunya menghubungkan dua klausa dalam satu ayat yang sama.

7.1.5.2 Kata Hubung : Kemudian

(27) TU 046

(a) Katanya beliau (b) kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Kontijen Kuala Lumpur.

(27a) Katanya beliau

(27b) kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Kontijen Kuala Lumpur.

(28) TB 156

(a) Datuk Yong Teck Lee, dari Parti Maju Sabah (SAPP) (b) kemudian menggantikan Salleh bagi mengisi penggiliran untuk kaum Cina Pengganti Yong, Tan Sri Bernard Dompok, dari Pertubuhan Pasok Momomugun Kadazandusun Bersatu (Upko) bagaimanapun memegang jawatan itu separuh penggal apabila beliau tewas pada pilihan raya negeri 1999, lalu digantikan oleh Osu.

(28a) Datuk Yong Teck Lee, dari Parti Maju Sabah (SAPP)

(28b) kemudian menggantikan Salleh ...

Dalam contoh (27) dan (28) kata hubung **kemudian** menghubungkan ayat-ayat tersebut dari segi masa berlangsungnya sesuatu peristiwa.

(29) TU 038

(a) Sejarah menyaksikan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah bermula dengan Tun Sakaran Dandai (17 Mac hingga 26 Disember 1994) dari UMNO.

(b) Kemudian diikuti Datuk Salleh Tun Said (27 Disember 1994 hingga 27 Mei 1996) dari UMNO, Datuk Yong Teck Lee (28 Mei 1998 hingga Mac 1999) dari Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) yang dahulunya dikenali sebagai Parti Demokratik Sabah (PDS).

- (29a) Sejarah menyaksikan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah bermula dengan Tun Sakaran Dandai (17 Mac hingga 26 Disember 1994) dari UMNO.
- (29b) **Kemudian** diikuti Datuk Salleh Tun Said (27 Disember 1994 hingga 27 Mei 1996) dari UMNO, Datuk Yong Teck Lee (28 Mei 1998 hingga Mac 1999) dari Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) yang dahulunya dikenali sebagai Parti Demokratik Sabah (PDS).

Ayat (29) di atas memperlihatkan tautan peristiwa dari segi perlengsungan tarikh yang menunjukkan penggiliran sesuatu jawatan. Kata hubung **kemudian** telah menjalankan fungsinya sebagai menghubungkan peristiwa yang sama yang diperkatakan dalam dua ayat yang berterusan.

7.1.5.3 Kata Hubung : Sambil

(30) TU 047

(a) "Kita (Umno) tak nak minta ganti rugi, Cuma nak bincang soal perpaduan sahaja," **kata Dr. Mahathir** (b) **sambil** mengulangi bahawa perpaduan yang dimaksudkannya itu adalah perpaduan Melayu.

- (30a) "Kita (Umno) tak nak minta ganti rugi, Cuma nak bincang soal perpaduan sahaja," **kata Dr. Mahathir**
- (30b) **sambil** mengulangi bahawa perpaduan yang dimaksudkannya itu adalah perpaduan Melayu.

(31) TB 136

(a) Pas menangguhkan pertemuannya dengan Umno bagi membincangkan isu perpaduan yang dijadualkan esok, (b) **sambil** mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai prasyarat pertemuan itu.

- (31a) **Pas** menangguhkan pertemuannya dengan Umno bagi membincangkan isu perpaduan yang dijadualkan esok

- (31b) sambil mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai prasyarat pertemuan itu.

Kata hubung **sambil** dalam contoh (30) dan (31) digunakan untuk menghubungkan dua perbuatan yang dilakukan serentak atau dalam satu masa yang sama. Ini dapat dilihat dalam contoh (31a) iaitu Pas menangguhkan pertemuan dengan Umno dan pada masa yang sama mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai prasyarat pertemuan. Fungsi kohesif kata hubung **sambil** mentautkan dua klausa iaitu klausa (30a) dengan (30b) dan klausa (31a) dengan (31b).

- (32) TB 137

(a) Pelbagai pihak kecewa dengan tindakan Pas menangguhkan sementara pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan nasional yang dijadualkan di sini esok.

(b) Sambil menyifatkan tindakan Pas itu sebagai sudah terlewat, mereka juga mahu parti pembangkang itu melupakan isu-isu kecil dan memberi tumpuan kepada perkara utama yang membawa kepada penyatuan orang Melayu.

(32a) Pelbagai pihak kecewa dengan tindakan Pas menangguhkan sementara pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan nasional yang dijadualkan di sini esok.

(32b) Sambil menyifatkan tindakan Pas itu sebagai sudah terlewat, mereka juga mahu parti pembangkang itu melupakan isu-isu kecil dan memberi tumpuan kepada perkara utama yang membawa kepada penyatuan orang Melayu.

Kata hubung **sambil** dalam ayat di atas berfungsi menghubungkan dua ayat yang menggambarkan perkara yang sama iaitu perasaan kekecewaan dan dengan ini ia memperlihatkan tautan di antara kedua-dua ayat tersebut.

7.1.5.4 Kata Hubung : Apabila

(33) TU 039

(a) Polis Republik Indonesia (Polri) mula melakukan tindakan agresif bagi menamatkan konflik antara penduduk Dayak dan Madura di Kalimantan Tengah (b) apabila mereka menembak penduduk tempatan yang membawa senjata bagi tujuan melakukan serangan.

- (33a) Polis Republik Indonesia (Polri) mula melakukan tindakan agresif bagi menamatkan konflik antara penduduk Dayak dan Madura di Kalimantan Tengah ..
- (33b) apabila mereka menembak penduduk tempatan yang membawa senjata bagi tujuan melakukan serangan.

(34) TB 133

(a) Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, berkata soal siapa menang dan kalah tidak timbul sama sekali (b) apabila pihaknya mengadakan perbincangan terbuka mengenai perpaduan Melayu dengan pemimpin Umno pada 19 Februari ini.

- (34a) Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, berkata soal siapa menang dan kalah tidak timbul sama sekali
- (34b) apabila pihaknya mengadakan perbincangan terbuka mengenai perpaduan Melayu dengan pemimpin Umno pada 19 Februari ini.

Dalam korpus yang dianalisis, didapati kata hubung waktu **apabila** dalam contoh (33) dan (34) berfungsi menjawab pertanyaan bila sesuatu perbuatan atau peristiwa itu berlaku. Kata hubung **apabila** dalam ayat di atas menghubungkan dua ayat, misalnya dalam contoh (33) ia menghubungkan ayat induk (33a) dengan ayat kecil (33b) dan dalam contoh (34), di antara ayat induk (34a) dengan ayat kecil (34b).

(35) TU 031

(a) "Tanpa semangat patriotisme, kemungkinan negara ini satu hari nanti tidak akan wujud lagi dan hanya menjadi satu daerah yang kecil dalam dunia," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) di Stadium Malawati di sini hari ini.

(b) Apabila ini berlaku kata Dr. Mahathir, sukar bagi rakyat mempunyai semangat patriotisme terhadap negara kerana negara tidak wujud lagi.

(35a) Tanpa semangat patriotisme, kemungkinan negara ini satu hari nanti tidak akan wujud lagi dan hanya menjadi satu daerah yang kecil dalam dunia.

(35b) Apabila ini berlaku kata Dr. Mahathir, sukar bagi rakyat mempunyai semangat patriotisme terhadap negara kerana negara tidak wujud lagi.

Dalam wacana berita, kata hubung waktu **apabila** sering digunakan pada pangkal ayat sebagai kesinambungan kepada perkara yang diperkatakan dalam ayat sebelumnya. Ia juga berfungsi menimbulkan kesan kepada ayat yang diperkatakan sebelumnya. Dalam ayat di atas jelas tautan yang diwujudkan oleh kata hubung waktu **apabila**.

7.1.5.5 Kata Hubung : Sementara

(36) TU '098

(a) Turut ditahan ialah penggerusi jawatankuasa penganjur 'Black 14' Saari Sungib; aktivis reformasi Hishamuddin Rais dan Abdul Ghani Haroon serta penulis, Raja Petra Raja Kamaruddin.

(b) Sementara itu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membantah sekeras-kerasnya penangkapan terbaru tersebut.

(36a) **Turut ditahan ialah penggerusi jawatankuasa penganjur 'Black 14'** Saari Sungib; aktivis reformasi Hishamuddin Rais dan Abdul Ghani Haroon serta penulis, Raja Petra Raja Kamaruddin

(36b) Sementara itu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membantah sekeras-kerasnya penangkapan terbaru tersebut.

(37) TB 113

(a) Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan berkata Umno berharap Pas akan bersetuju menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

(b) Sementara itu, Fadzil pada majlis ceramah di kampung Gajah Mati, Pendang malam tadi, menyifatkan pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu sebagai satu petanda baik.

(37a) Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan berkata Umno berharap Pas akan bersetuju menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

(37b) Sementara itu, Fadzil pada majlis ceramah di kampung Gajah Mati, Pendang malam tadi, menyifatkan pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu sebagai satu petanda baik.

Kata hubung **sementara** dalam dua contoh di atas (36) dan (37) berfungsi menghubungkan dua peristiwa yang berlaku pada suatu masa yang sama tetapi kedua-dua peristiwa tersebut mempunyai kaitan di antara satu dengan yang lain. Kedua-dua ayat tersebut kohesif kerana dihubungkan oleh kata hubung kohesif **sementara**.

7.1.5.6 Kata Hubung : Setelah

(38) TU 099

(a) Kesemua mereka ditangkap di beberapa tempat berasingan (b) setelah disyaki terlibat dalam pakatan mencetuskan demonstrasi besar-besaran menjelang pilihan raya umum 2004.

- (38a) Kesemua mereka ditangkap di beberapa tempat berasingan
- (38b) setelah disyaki terlibat dalam pakatan mencetuskan demonstrasi besar-besaran.

(39) TB 128

(a) Hakim Siti Mariah Ahmad menjatuhkan hukuman itu (b) setelah mendapati pembela gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes selepas memanggil dua saksi pembelaan memberi keterangan ketika Marina membela diri.

(39a) Hakim Siti Mariah Ahmad menjatuhkan hukuman itu

(39b) setelah mendapati pembela gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes...

Kata hubung **setelah** dalam ayat di atas bersifat kohesif kerana menghubungkan dua ayat iaitu ayat induk (38a) dan (39a) dengan ayat kecil (38b) dan (39b). Fungsi kata hubung **setelah** dalam konteks ayat di atas ialah bagi menunjukkan sesuatu perbuatan atau tindakan itu diambil akibat daripada hasil sesuatu perkara yang telah dilakukan. Ia juga menunjukkan sesuatu perbuatan yang lampau atau selesai.

Kata hubung **setelah** yang menghubungkan dua ayat tidak ditemui dalam korpus kajian.

7.1.5.7 Kata Hubung : Selepas

(40) TU 048

Menurutnya, (a) Ezam hanya boleh dituduh di mahkamah (b) selepas polis mempunyai bukti kukuh mengenai kesalahan yang dilakukan.

- (40a) Ezam hanya boleh dituduh di mahkamah
- (40b) selepas polis mempunyai bukti kukuh mengenai kesalahan yang dilakukan.

(41) TB 132

(a) Ditanya sama ada jawatan Ketua Menteri (b) selepas ini akan disandang pemimpin Bumiputra bukan Islam atau Cina, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, secara bergurau herkata : “Dia adalah seorang rakyat Malaysia.”

- (41a) Ditanya sama ada jawatan Ketua Menteri
- (41b) selepas ini akan disandang pemimpin Bumiputra bukan Islam atau Cina.

Dalam contoh di atas (40) dan (41), kata hubung waktu selepas menandakan sesuatu perbuatan itu diambil sesudah selesainya sesuatu perkara. Misalnya dalam contoh (40a) Ezam hanya boleh dituduh di mahkamah selepas (40b) polis mempunyai bukti kukuh mengenai kesalahan yang dilakukan, menunjukkan sesuatu tindakan itu boleh diambil setelah adanya sesuatu bukti yang sahih. Kata hubung selepas berfungsi secara kohesif dalam menghubungkan klausa (40a) dengan klausa (40b) dan (41a) dengan klausa (41b).

(42) TB 156

- (a) Sambil mengesahkan beliau akan menyandang jawatan itu selama dua tahun, Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat, melahirkan harapan wakil Umno akan mengambil alih tempatnya apabila tempohnya berakhir nanti iaitu sekitar Mac 2003.
- (b) “Selepas tempoh ini, kita berharap Umno akan ambil alih sekali lagi. Kemudian kita akan kembali kepada rakyat bagi mendapat mandat baru... ketika itu nanti pilihan raya negeri sudah hampir,” kata Chong.

- (42a) **Sambil mengesahkan** beliau akan menyandang jawatan itu selama dua tahun, Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat, melahirkan harapan wakil Umno akan mengambil alih tempatnya apabila tempohnya berakhir nanti iaitu sekitar Mac 2003.
- (42b) “Selepas tempoh ini, kita berharap Umno akan ambil alih sekali lagi. Kemudian kita akan kembali kepada rakyat bagi mendapat mandat baru... ketika itu nanti pilihan raya negeri sudah hampir,” kata Chong.

Kata hubung waktu **selepas** juga menghubungkan dua urutan ayat seperti terdapat dalam contoh (42). Dalam ayat ini, kata hubung waktu **selepas** menghubungkan dua urutan waktu yang tidak sama tetapi perkara yang diperkatakan adalah sama. Dengan itu wujud tautan di antara kedua-dua ayat ini.

7.1.6 **Kata Hubung Syarat**

Kata hubung syarat yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **jika** dan **kalau**.

7.1.6.1 **Kata Hubung : Jika**

(43) **TU 028**

Dalam sidang akhbarnya semalam, (a) Nasharudin **meletakkan syarat bahawa parti itu hanya bersedia berunding dengan Umno** (b) **jika** isu yang ia bawa akan dibincangkan.

- (43a) **Nasharudin meletakkan syarat bahawa parti itu hanya bersedia berunding dengan Umno**
- (43b) **jika** isu yang ia bawa akan dibincangkan.

(44) TB 172

“Orang Melayu perlu sedar perkara ini. (a) **Jangan biarkan pembangkang memerintah negara ini** (b) **jika mereka tidak mahu menerima nasib seperti orang Melayu di Singapura,**” katanya.

(44a) **Jangan biarkan pembangkang memerintah negara ini**

(44b) **jika mereka tidak mahu menerima nasib seperti orang Melayu di Singapura,** katanya.

Kata hubung syarat menyatakan syarat yang dikenakan untuk berlakunya sesuatu perbuatan. Dalam contoh (43) dan (44), didapati kata hubung **jika** menghubungkan dua klausa iaitu klausa (43a) dengan (43b) dan klausa (44a) dengan klausa (44b). Misalnya dalam klausa (43a) didapati perundingan hanya akan berlaku sekiranya syarat yang dikenakan itu dipenuhi (klausa 43b). Kata hubung **jika** dalam konteks ini bersifat kohesif kerana telah mewujudkan kohesi teks.

(45) TU 066

(a) “**UMNO kena buktikan di mana salahnya. Mana ada salah, cuma salah di segi UMNO sahaja.**

(b) “**Jika mereka (UMNO) dapat buktikan (Amanat Haji Hadi) salah, mereka boleh panggil Ustaz Hadi untuk berbincang dan keluarkan kenyataan,**” katanya ketika dihubungi oleh Utusan hari ini.

(45a) **“UMNO kena buktikan di mana salahnya. Mana ada salah, cuma salah di segi UMNO sahaja.**

(45b) **“Jika mereka (UMNO) dapat buktikan (Amanat Haji Hadi) salah, mereka boleh panggil Ustaz Hadi untuk berbincang dan keluarkan kenyataan,”** katanya ketika dihubungi oleh Utusan hari ini.

Dalam contoh di atas juga dapat dilihat hubungan yang wujud di antara dua ayat melalui penggunaan kata hubung jika. Kedua-dua ayat tersebut mempunyai perkaitan di antara satu sama lain kerana ayat kedua (45b) merupakan sambungan ayat pertama (45a) yang memperkatakan syarat yang dikenakan sekiranya perkara yang diperkatakan dalam ayat pertama itu terbukti benar.

7.1.6.2 Kata Hubung : Kalau

(46) TU 058

Katanya, (a) sebarang percakapan yang mengarut bukan sahaja berdosa dan mendatangkan kesan buruk kepada personaliti seseorang individu malah hubungan sesama anggota masyarakat.

(b) ‘Kalau kita hanya bercakap tentang sesuatu perkara tetapi tidak boleh dibuktikan dengan nas yang sahih, ia bercanggah dengan Allah dan tidak betul.

(46a) sebarang percakapan yang mengarut bukan sahaja berdosa dan mendatangkan kesan buruk kepada personaliti seseorang individu malah hubungan sesama anggota masyarakat.

(46b) “Kalau kita hanya bercakap tentang sesuatu perkara tetapi tidak boleh dibuktikan dengan nas yang sahih, ia bercanggah dengan Allah dan tidak betul.

(47) TB 116

“Walaupun orang lain mungkin tidak puas hati kerana orang lain punya agenda, tapi mengikut saya, mereka ini menjalankan tugas mereka. Maka, (a) saya kekalkan mereka melainkan (b) kalau mereka mahu letak jawatan,” katanya.

(47a) saya kekalkan mereka melainkan

(47b) kalau mereka mahu letak jawatan.

Kata hubung syarat **kalau** dalam dua contoh di atas (46) dan (47) juga berfungsi menyatakan syarat yang dikenakan untuk berlakunya sesuatu perbuatan. Dalam contoh (47) jelas didapati sesuatu keputusan itu akan diubah sekiranya terdapat permintaan di sebaliknya. Kohesi ayat dalam ayat (46) dan (47) dapat diwujudkan melalui penggunaan kata hubung **kalau**.

(48) TB 176

- (a) “Untuk itu, kita akan terus berjaga-jaga jika reformasi secara militan **di negara ini membabitkan rakyat asing**.
 - (b) “**Kalau** itu berlaku, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang terbabit dalam kegiatan itu atau pun rakyat Indonesia yang datang untuk mengambil bahagian menggugat keselamatan dalam negara kita,” katanya.
- (48a) “Untuk itu, kita akan terus berjaga-jaga jika reformasi secara militan **di negara ini membabitkan rakyat asing**.
- (48b) “**Kalau** itu berlaku, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang terbabit dalam kegiatan itu atau pun rakyat Indonesia yang datang untuk mengambil bahagian menggugat keselamatan dalam negara kita,” katanya.

Kata hubung **kalau** dalam ayat (48) di atas jelas menunjukkan tautan dari segi syarat yang terjalin di antara ayat 48(a) dengan ayat 48(b). Kata hubung **kalau** adalah kohesif dalam contoh di atas.

7.1.7 **Kata Hubung Relatif**

Kata hubung relatif yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **yang**.

7.1.7.1 Kata Hubung : Yang

(49) TB 196

(a) **Datuk Zainol Md Isa**, (b) yang dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Baling kerana didapati bersalah mengamalkan politik wang oleh Lembaga Disiplin Umno, akan meletakkan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah.

(49a) **Datuk Zainol Md Isa**

(49b) yang dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Baling ...

(50) TU 012

(a) “Pusat itu berupaya mendedahkan kepada pelajar Melayu deria persekitaran universiti (b) yang mampu menghadapi pelbagai pancaroba semasa belajar,” ujar beliau.

(50a) **Pusat itu berupaya mendedahkan kepada pelajar Melayu deria persekitaran universiti**

(50b) yang mampu menghadapi pelbagai pancaroba semasa belajar.

(51) TB 146

(a) **Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah pula menyeru semua generasi muda dan rakyat secara keseluruhannya untuk menolak sebarang usaha untuk menjelaskan sistem pilihan raya (b) yang menjadi amalan di negara ini.**

(51a) **Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah pula menyeru semua generasi muda dan rakyat secara keseluruhannya untuk menolak sebarang usaha untuk menjelaskan sistem pilihan raya**

(51b) yang menjadi amalan di negara ini.

Kata hubung relatif **yang** dalam ketiga-tiga contoh di atas (49), (50) dan (51) berfungsi sebagai keterangan kepada salah satu unsur dalam ayat induk (ayat 49a, 50a dan 51a), yakni keterangan kepada subjek seperti dalam ayat (49a), kepada objek seperti dalam ayat (50a) dan kepada frasa nama dalam ayat (51a). Dalam contoh (49) didapati ayat **Datuk Zainol Md Isa akan meletakkan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah** dipancangkan ke dalam ayat **Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Baling kerana didapati bersalah mengamalkan politik wang oleh Lembaga Disiplin Umno.** Kata hubung relatif **yang** dalam ayat di atas adalah kohesif kerana ia menghubungkan ayat induk **Datuk Zainol Md Isa akan meletakkan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah** dengan ayat kecil **Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Baling kerana didapati bersalah mengamalkan politik wang oleh Lembaga Disiplin Umno** sehingga mewujudkan ayat baharu, iaitu ayat majmuk relatif.

7.1.8 **Kata Hubung Komplemen**

Kata hubung komplemen yang ditemui dalam korpus yang dianalisis ialah **bahawa**.

7.1.8.1 **Kata Hubung : Bahawa**

(52) TU 069

Menjawab soalan Nasharuddin lagi, (a) **Dr. Mahathir turut menafikan pernah berkata** (b) **bahawa Umno mewakili semua orang Melayu di Malaysia.**

- (52a) Dr. Mahathir turut menafikan pernah berkata
(52b) bahawa Umno mewakili semua orang Melayu di Malaysia.

(53) TB 186

Serentak itu, katanya, (a), kerajaan negeri akan mewartakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dua bulan lalu. (b) bahawa mengkafirkhan orang Umno yang beragama Islam, bercanggah dengan ajaran agama.

- (53a) kerajaan negeri akan mewartakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dua bulan lalu
(53b) bahawa mengkafirkhan orang Umno yang beragama Islam, bercanggah dengan ajaran agama.

Kata hubung komplemen **bahawa** berfungsi untuk menghubungkan dua ayat iaitu ayat induk dan ayat komplemen. Misalnya, dalam contoh (52) didapati ayat (52a) merupakan ayat induk dan ayat (52b) merupakan ayat komplemen. Dalam ayat tersebut ayat (52b) telah dipancangkan ke dalam ayat (52a) untuk melengkapi kata kerja dalam ayat tersebut. Hubungan seperti ini yang wujud di antara dua ayat tersebut disebut sebagai hubungan komplemen.

(54) TB 152

- (a) Mengikut kertas pertuduhan, perkataan yang menghasut itu ialah:
(b) Bahawa kamu menyatakan kamu mengaku akan mengadakan demonstrasi setiap hari bukannya setiap minggu apabila tiba masa dan ketikanya;

- (54a) Mengikut kertas pertuduhan, perkataan yang menghasut itu ialah:
- (54b) Bahawa kamu menyatakan kamu mengaku akan mengadakan demonstrasi setiap hari bukannya setiap minggu apabila tiba masa dan ketikanya;

Kata hubung **bahawa** dalam ayat di atas menghubungkan ayat pertama dengan ayat kedua dengan memperlengkapkan pertuduhan yang dinyatakan dalam ayat pertama. Dengan ini kata hubung **bahawa** merupakan satu kata hubung yang kohesif sifatnya.

7.2 KESIMPULAN

Analisis kata hubung dalam bab ini memperlihatkan kata hubung dalam bahasa Melayu kebanyakannya adalah kohesif sifatnya. Dapatan ini menjawab persoalan kajian ini sama ada kata hubung berfungsi secara kohesif dalam bahasa Melayu atau tidak. Kata hubung dalam korpus kajian menunjukkan kata hubung dalam bahasa Melayu boleh berfungsi mewujudkan tautan teks sama ada di dalam satu urutan ayat yang sama atau di antara dua urutan ayat. Ini menunjukkan kata hubung mempunyai fungsi yang penting dalam menghubungkan makna sesuatu ayat dan juga bentuk-bentuk linguistik sesuatu ayat.

Bab ini merupakan bab terakhir dalam penganalisisan data kajian. Dalam Bab 8 seterusnya akan diberikan rumusan kepada keseluruhan kajian ini.